

## TERJEMAHAN KATA PANGGILAN BANGSAWAN DALAM WACANA AL-QURAN: PENJELASAN DARI PERSPEKTIF PRAGMATIK

Nasimah Abdullah, Nor Fazila Ab Hamid  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my)

Lubna Abd Rahman  
Universiti Sains Islam Malaysia

### ABSTRAK

*Dalam wacana al-Quran terdapat dialog yang melibatkan interaksi antara golongan bangsawan dan antara raja dengan rakyat. Kadang-kadang terdapat masalah pada padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dari sudut sosiolinguistik Melayu, terutamanya dalam menterjemah kata ganti nama diri Arab ke Melayu. Terjemahan kata ganti nama diri Melayu boleh berubah dalam situasi tertentu terutamanya yang melibatkan status dan kedudukan dalam masyarakat atau dinamakan golongan bangsawan. Dari perspektif pragmatik, khususnya teori relevan yang melihat terjemahan sebagai satu proses mental (kognitif), menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan bangsawan dalam bahasa Melayu dilihat boleh memberi gambaran jelas tentang status individu yang terlibat dalam wacana. Kertas kerja ini akan memanfaatkan ilmu pragmatik khususnya teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995) bagi menjelaskan bahawa terjemahan literal yang melibatkan kata ganti nama diri dalam teks terjemahan makna al-Quran boleh menimbulkan kesamaran konteks interaksi yang wujud dalam wacana. Oleh itu, jika penterjemah tidak menggunakan kata panggilan yang sesuai dalam menterjemahkan kata ganti nama diri yang terdapat pada wacana al-Quran, maka pembaca tidak dapat memikirkan bentuk inferens yang betul bagi mencapai interpretasi yang relevan secara optimum. Akibatnya status dan kedudukan pihak yang berinteraksi itu tidak jelas.*

**Kata kunci:** Terjemahan, Kata Panggilan Bangsawan, Pragmatik, Wacana al-Quran

### 1. PENDAHULUAN

Wacana secara umumnya bermaksud keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan, atau merujuk juga kepada kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan (*Kamus Dewan Edisi Baru*, 1994: 1540). Manakala, dari sudut bentuk pula, wacana adalah terdiri daripada satu unit khusus bahasa yang melebihi batas ayat atau klausa (Stubbs, 1989: 1). Yang menariknya wacana mestilah ada tujuan dan tujuan itulah yang akan menentukan penggunaan bahasa (Asmah Omar, 1980: 11). Justeru, wacana al-Quran bukan sahaja mempunyai konsep ketenunan atau kesatuan teks malah mempunyai tujuan komunikasi.

Al-Quran merupakan satu bentuk komunikasi bertulis antara makhluk dengan Penciptanya dan pastinya mempunyai pelbagai bentuk perbahasan dan manfaat dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, seperti syariat, akidah, muamalat dan akhlak (Sibawaih & Agus Dedi Putrawan, 2015). Dalam erti kata lain, al-Quran diturunkan sebagai kalam Allah untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Al-Quran datang dengan petunjuk, keterangan, dan konsep sama ada bersifat global atau tidak, yang tersurat maupun tersirat dalam pelbagai persoalan dan bidang kehidupan (Nordin, 2006 dalam Siti Ngaisah, 2013). Justeru, konsep, prinsip dan ajaran yang terkandung dalamnya perlu difahami, dicerna dan diamalkan. Untuk tujuan tersebut, al-Quran telah diterjemahkan kepada bahasa-bahasa dunia yang lain.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh penulis terhadap kebanyakan teks terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu, terdapat cara terjemahan yang kelihatan agak kasar,

kabur dan janggal dalam menterjemahkan kata ganti nama diri Arab ke bahasa Melayu. Kekaburan dan kejanggalan ini jelas kelihatan dalam dialog yang melibatkan lakuan pertuturan antara golongan bangsawan; iaitu i) antara raja dengan raja, dan juga ii) antara raja dengan rakyat. Hal ini kerana masyarakat Arab dan Melayu bukan sahaja mempunyai perbezaan dari segi peraturan linguistik, tetapi turut melibatkan peraturan sosiolinguistik.

Oleh itu, kata ganti nama diri seharusnya perlu diterjemahkan dengan betul daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu supaya dapat menggambarkan kesantunan dalam lakuan pertuturan. Sehubungan itu, terjemahan yang betul akan memudahkan para pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas mengikut konteks penggunaan yang sebenar. Dalam sosiolinguistik Melayu, pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi bagi memastikan wujudnya unsur kesantunan berbahasa.

Penulisan ini diharap dapat memberi input yang bermanfaat kepada penterjemah dan penyelidik tentang aplikasi ilmu pragmatik dalam menterjemah kata ganti nama diri Arab-Melayu. Penulisan ini juga cuba memperlihatkan bahawa mematuhi aspek sosiolinguistik Melayu dalam terjemahan kata ganti nama diri boleh memberikan gambaran sebenar dan tepat kepada pembaca tentang konteks wacana sebagaimana dimaksudkan dalam teks sumber.

## **2. PERBEZAAN KONSEP SISTEM PANGGILAN ANTARA MASYARAKAT MELAYU DENGAN ARAB**

Sistem panggilan ialah salah satu wasilah penting yang digunakan dalam masyarakat untuk berkomunikasi. Penggunaan bentuk kata panggilan bergantung kepada hubungan antara penutur dengan pendengar, status sosial atau individu yang terlibat dalam perbualan, tujuan komunikasi dan situasi perbualan (Swandewi, 2014). Fenomena yang berkaitan dengan kata panggilan dan kepentingan berbahasa tidak sahaja wujud dalam bahasa Melayu tetapi juga dalam hampir semua bahasa di dunia.

Asmah Omar (dalam Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd. Shabri Yusof, 2011: 745) menegaskan bahawa kewujudan sistem panggilan dalam satu-satu bahasa menggambarkan kewujudan peraturan sosial sesebuah masyarakat. Sistem panggilan merupakan unsur penting dalam berkomunikasi bagi masyarakat Melayu untuk menggambarkan cara menghormati seseorang.

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa sistem panggilan merupakan unsur bahasa yang ada pada setiap bahasa di dunia. Namun, fungsinya mungkin kurang menonjol dalam sesetengah bahasa berbanding bahasa yang lain. Sebagai contoh, fungsi sistem panggilan bahasa Arab kurang menonjol berbanding bahasa Melayu yang sangat kaya dengan kata panggilan tertentu sama ada dalam interaksi antara ahli keluarga mahu pun dalam kalangan bangsawan sebagai ganti kepada kata ganti nama diri. Bahasa Arab menggunakan bentuk kata ganti nama yang sama tanpa mengira jarak dan status sosial antara individu yang terlibat dalam wacana. Hal ini demikian kerana sifat bahasa Arab lebih mementingkan konsep gender dan masa.

Walau bagaimanapun, fungsi sistem panggilan bahasa Arab lebih menonjol melalui konsep al-nida' (النداء) atau seruan seperti (يا ابني) yang boleh berubah menjadi (يا بُنَيَّ) dan (يا

(أبي) yang boleh berubah menjadi (يا أبتى) untuk mempamerkan kasih sayang. Perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari sudut sifat bahasa dan struktur sintaksis ini menyebabkan ketakterjemahan budaya wujud dalam sebahagian besar proses penterjemahan.

### **3. HUBUNGAN ANTARA KATA GANTI NAMA DENGAN KATA PANGGILAN**

Setiap masyarakat mempunyai cara memanggil dan menyapa tersendiri untuk berinteraksi dengan individu lain. Cara tersebut dikenali sebagai sistem panggilan yang merujuk kepada penggunaan kata ganti nama seseorang. Menurut Asmah Omar (2014, 86), kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan ia boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Kata ganti nama diri digunakan untuk merujuk kepada orang, benda atau perkara yang telah dinyatakan sebelumnya. Dalam bahasa Melayu, peranannya adalah untuk menggantikan kata nama khas dan kata nama am (Nik Safiah et.al, 2009). Kata ganti nama yang melibatkan interaksi antara golongan bangsawan dan antara raja dengan rakyat dikenali sebagai kata panggilan bangsawan.

### **4. PERBEZAAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA ANTARA ARAB DENGAN MELAYU**

Dalam bahasa Melayu, kata panggilan menunjukkan kehalusan bahasa dan budaya masyarakat Melayu yang berteraskan adab dan akhlak. Penggunaan kata panggilan yang betul ditentukan oleh jarak sosial antara individu yang terlibat dalam wacana tersebut. Dengan erti kata lain, penggunaan kata panggilan dianggap menepati konteks dengan merujuk kepada jarak sosial antara dua pihak yang berinteraksi. Terdapat kepelbagaian konteks yang akan menentukan kepelbagaian penggunaan kata panggilan. Ada konteks yang bersifat rasmi, ada konteks yang melibatkan golongan bangsawan, ada konteks yang bersifat kekeluargaan dan sebagainya.

Setiap bahasa mempunyai tatacara penggunaan kata ganti nama diri yang mungkin berbeza dengan bahasa lain. Sebagai contoh, bahasa Arab mempunyai satu kata ganti nama yang merujuk kepada diri pertama, iaitu "أنا". Kata ganti nama pertama dalam bahasa Melayu pula berbeza mengikut konteks sosiolinguistik bahasa tersebut, seperti saya, aku, beta, patik dan hamba. Begitu juga bahasa Arab mempunyai dua kata ganti nama yang berbeza mengikut gender yang merujuk kepada diri kedua, iaitu "أنت" dan "أنت". Kata ganti nama kedua dalam bahasa Melayu pula berbeza mengikut konteks sosiolinguistik bahasa tersebut, seperti awak, kamu, engkau, anda, tuan hamba dan tuanku. Oleh itu, penterjemah perlu menyedari jarak sosial dalam proses penterjemahan.

Kepentingan konteks dalam memahami makna perlu diberi perhatian terutamanya apabila melibatkan bahasa sasaran yang mempunyai struktur dan sistem sosial yang berbeza dengan bahasa sumber. Dalam terjemahan, seseorang penterjemah mesti mengambil kira konteks bahasa dan situasi, dan bukan hanya mencari padanan perkataan semata-mata. Konteks setiap unit bahasa, sama ada leksikal, frasa, klausa, sintaksis dan teks, wajar diberi pertimbangan oleh setiap penterjemah dalam pemilihan padanan yang paling sesuai (Mashudi & Low Bee Eng, 1993).

### **5. PERSAMAAN SEMANTIK & FUNGSI PRAGMATIK DALAM TERJEMAHAN**

Ilmu semantik ialah berkait rapat dengan pengkajian tentang makna. Pengkajian tentang makna pada peringkat semantik ini hanya terhad kepada maklumat linguistik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 1). Menurut Sperber dan Wilson (1986, 1), pengkajian makna pada peringkat semantik belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihajati oleh penutur. Pengkajian makna seharusnya melibatkan ilmu pragmatik, iaitu ilmu penginterpretasian makna yang melibatkan faktor bukan linguistik. Kombinasi kedua-dua faktor linguistik dan bukan linguistik ini benar-benar dapat membantu pengkajian makna yang lebih berkesan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 1). Pragmatik menurut Stephen C. Levinson (1987) adalah suatu ilmu yang ada pertalian dengan bidang ilmu lain seperti sosiolinguistik, neurolinguistik, dan psikolinguistik. Ilmu pragmatik penting dalam menyelesaikan masalah ketaksamaan, kekaburan dan ketidaktentuan yang terhasil daripada ujaran yang sudah semestinya tidak boleh dilakukan dengan ilmu semantik.

Dengan erti kata lain, persamaan semantik kadang-kadang masih belum mencukupi untuk memberi impak yang besar kepada proses inferens pembaca sasaran untuk membentuk satu kesimpulan seperti yang dihajatkan oleh penulis asal dalam teks sumber. Hal ini adalah disebabkan oleh peraturan sosiolinguistik yang tidak sama antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Kata panggilan bangsawan adalah antara unsur sosiolinguistik yang terdapat dalam peraturan sosial masyarakat Melayu yang tidak terdapat dalam struktur bahasa Arab dan keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan ketakterjemahan budaya wujud dalam sebahagian besar proses penterjemahan.

Oleh itu, untuk mencapai interpretasi yang betul, penterjemah mestilah bijak memilih kata atau frasa dalam teks sasaran yang dapat mendukung mesej yang sama dengan kata atau frasa dalam teks sumber bagi menyampaikan segala maklumat, hasrat dan matlamat asal penulis teks asal kepada pembaca sasaran. Hal ini adalah kerana setiap kata atau frasa merujuk kepada nilai semantik dan sosiolinguistik yang berbeza dalam sesuatu ujaran. Dengan erti kata lain, penterjemahan kadang-kadang mestilah bersifat pragmatik. Bersifat pragmatik bermaksud sesuatu penterjemahan itu cuba menyatakan salah satu jenis komunikasi yang diniatkan oleh penulis atau penutur asal (Muhammad Fauzi Jumingan, 2003: 95).

Merujuk kepada penggunaan kata ganti nama diri yang terdapat dalam wacana al-Quran, penterjemah perlu bijak memilih kata atau frasa dalam teks sasaran agar pembaca teks tersebut dapat menghayati maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh teks sumber.

Secara ironinya, ilmu pragmatik merupakan pelengkap kepada ilmu semantik dalam mentafsir makna dengan memanfaatkan maklumat konteks (Sperber dan Wilson, 1986). Sebagai contoh, dalam linguistik Melayu terdapat pelbagai istilah yang merujuk kepada kata ganti nama diri pertama, antaranya saya, aku, patik dan beta. Peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu menentukan setiap kata ganti nama diri pertama tersebut mempunyai konteks penggunaan tersendiri dan tidak boleh digunakan sesuka hati. Penutur natif biasanya mampu membezakan penggunaan kesemua leksikal tersebut berdasarkan maklumat tambahan. Contohnya, “patik” dan “beta” hanya digunakan dalam dialog yang melibatkan antara rakyat dengan raja sahaja. Maklumat tambahan inilah yang dikatakan konteks dalam ilmu pragmatik. Ada titik perbezaan antara keempat-empat leksikal tersebut meskipun dari segi semantik ada persamaannya. Jelasnya, pragmatik mempunyai peranan yang berbeza berbanding dengan semantik.

Oleh itu, dalam isu penterjemahan teks al-Quran ke bahasa Melayu, penterjemah mestilah arif tentang kedudukan, fungsi dan peranan sistem panggilan dalam budaya masyarakat Melayu supaya pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas.

## **6. TEORI RELEVANS**

Teori relevans dikemukakan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas semula pada tahun 1995. Objektif teori ini adalah menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat. Teori ini menyatakan bahawa dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang maksima dengan usaha memproses yang minima (Sperber dan Wilson, 1995). Dengan erti kata lain, input atau frasa ungkapan yang relevan kepada individu pendengar atau pembaca akan menghasilkan gabungan kesan kognitif positif dan usaha mental yang kurang. Hal ini secara tidak langsung akan menghasilkan komunikasi yang mudah dan berjaya.

Prinsip teori relevan ini lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin yang diperbual itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan yang diperkatakan itu mempunyai ciri relevan yang optimal. Relevan yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan. (Nor Hashimah Jalaluddin, : 1992: 33).

Menurut Norhashimah Jalaluddin (1992, 33), apabila ujaran disampaikan, menjadikan tanggungjawab si penutur untuk menjamin maklumat yang disampaikan itu relevan dan setimpal dengan perhatian yang diberikan oleh pendengar apabila diproses mengikut konteks. Bagi pendengar, dia cuba untuk memperoleh kesan konteks yang mencukupi dan kesan ini mestilah mudah untuk diperolehi dan dinilainya. Tujuannya adalah untuk mengelakkan usaha memproses maklumat yang tidak diperlukan.

Dalam teori relevan, ada tiga perkara asas yang ditekankan iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1991, 476), ketiga-tiga konsep ini mestilah bergabung supaya mesej yang hendak disampaikan ini mencapai tahap relevan yang optimum. Apabila sesuatu ujaran mencapai tahap ini, maka ujaran itu dianggap sebagai relevan.

### **6.1 Konteks**

Kamus Dewan (2007: 818) mendefinisikan konteks sebagai keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau yang dapat dihubungkan dengan sesuatu. Menurut Sperber dan Wilson (1986: 15) pula, konteks adalah seberkas andaian mengenai dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak terhad kepada maklumat mengenai persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir sahaja. Konteks mungkin juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, atau andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Dengan kata lain, konteks mungkin berkait dengan unsur keagamaan, kebudayaan, kemasyarakatan, pemikiran, politik, dan lain-lain. Kesemuanya dapat memainkan peranan dalam interpretasi.

## 6.2 Kesan konteks

Kesan konteks adalah aspek penting bagi menghuraikan proses pemahaman sesuatu ujaran. Sesuatu ujaran dianggap lebih relevan jika mempunyai lebih kesan konteks. Kesan konteks ialah andaian awalan yang ada pada pendengar. Dalam perbualan, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awalan yang sedia ada bagi menghasilkan kesan konteks (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 34).

## 6.3 Kos proses

Kos proses berkait rapat dengan usaha pendengar dalam memproses maklumat. Sekiranya ujaran itu dapat difahami dengan mudah, maka kos proses maklumat bagi ujaran tersebut dapat dianggap rendah tetapi jika sebaliknya, maka kos proses bagi maklumat tersebut dianggap tinggi. Kesukaran memahami sesuatu ujaran itu dapat dikaitkan dengan kos proses yang tinggi (Nor Hashimah Jalaluddin, 1991: 477).

## 7. PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA KAJIAN

Pengumpulan data kajian ini berdasarkan kepada dua (2) sumber terjemahan makna al-Quran iaitu Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan terbitan Yayasan Restu. Keseluruhan analisis data kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif.

Kaedah deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk melihat tiga (3) perkara utama, iaitu jarak sosial individu yang terlibat dalam wacana, padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dan kesesuaian terjemahan dengan konteks masyarakat Melayu dari segi kehalusan dan kesantunan. Jarak sosial individu yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan kata panggilan bangsawan. Kategori yang dianalisis ialah interaksi antara raja dengan raja dan antara raja dengan rakyat. Manakala, maksud terjemahan harfiah di sini ialah terjemahan perkataan demi perkataan secara persamaan semantik semata-mata.

Bagi mencapai tujuan kajian ini juga, penulis menggunakan kaedah komparatif iaitu membandingkan antara penterjemahan individu iaitu "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran" oleh Abdullah Basmeih dengan penterjemahan berkumpulan iaitu "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" oleh Yayasan Restu. Perbandingan tersebut memberi fokus pada kaedah terjemahan kata ganti nama diri pertama dan kedua dari bahasa Arab ke bahasa Melayu yang digunakan oleh para penterjemah dalam usaha menyampaikan makna ayat al-Quran.

Penulisan ini pada asasnya bersifat linguistik bandingan antara struktur sintaksis Arab dengan Melayu di mana penulis membandingkan antara kata ganti nama diri bahasa Arab (ضمير) dengan kata ganti nama diri bahasa Melayu dan seterusnya meneliti kaedah terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk mencapai terjemahan yang sepadan.

## 8. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada 6 data yang dianalisa, penulisan ini mendapati bahawa Syeikh Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu tidak menggunakan sama sekali kata panggilan bangsawan untuk menterjemahkan ayat al-Quran yang mengandungi dialog antara raja dengan raja dan antara raja dengan rakyat. Penulis mengemukakan di sini enam (6) contoh ayat al-Quran dari

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman oleh Syeikh Abdullah Basmeih dan terjemahan terbitan Yayasan Restu yang menunjukkan akan perkara tersebut.

Contoh yang terdapat dalam Jadual 1 di bawah adalah dialog yang berlangsung antara nabi Sulaiman sebagai raja dengan Ratu Balgis.

Jadual 1

Surah al-Naml (27) : 42	
قوله تعالى: { فَلَمَّا جَاءَتْ قَبِيلَ أَهْكَذَا عَرْشُكَ قَالَتْ كَأَنَّهُ هُوَ وَأُوتِينَا الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهَا وَكُنَّا مُسْلِمِينَ }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Maka tatkala ia datang mengadap, Nabi Sulaiman bertanya kepadanya: “Serupa inikah singgahsanamu?” Ia menjawab: “Boleh jadi inilah dia; dan kami telah diberikan ilmu pengetahuan sebelum berlakunya (mu’jizat) ini, dan kami pula adalah tetap berserah diri (menjunjung perintah Allah)”. (hlm: 985)	Maka ketika dia datang menghadap, Sulayman bertanya kepadanya, “Semacam inikah singgahsanamu?” Dia menjawab, “Boleh jadi inilah dia; dan kami telah diberikan ilmu pengetahuan sebelum berlakunya (mu’jizat) ini, dan kami pula adalah tetap berserah diri (menjunjung perintah Allah).” (hlm: 388)

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan antara raja dengan raja. Dalam teks terjemahan tersebut, Syeikh Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu menggunakan kaedah persamaan semantik dalam menterjemahkan kata ganti nama diri kedua yang terdapat dalam frasa (عَرْشُكَ). Kedua-dua teks terjemahan menterjemahkannya kepada “singgahsanamu”. Terjemahan harfiah adalah sepadan kerana kata ganti nama kedua dalam teks asal diterjemahkan sejajar dengan peraturan sintaksis bahasa Melayu.

Namun, penulis berpandangan bahawa padanan harfiah akan menyebabkan pembaca sasaran menjadi keliru dan kabur tentang konteks yang wujud dalam teks asal. Ini kerana padanan makna pada peringkat semantik hanya terhad kepada maklumat linguistik semata-mata dan belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihajati oleh pembaca sasaran.

Berdasarkan kepada teori ilmu pragmatik, menterjemahkan kata ganti nama diri kedua Arab yang terdapat pada frasa (عَرْشُكَ) kepada kata panggilan bangsawan Melayu iaitu “tuanku” boleh menyelesaikan masalah kekaburan maklumat tambahan atau konteks yang wujud dalam wacana sesuatu teks.

Contoh yang terdapat dalam Jadual 2 adalah dialog yang berlangsung antara nabi Yusuf dengan Raja Mesir.

Jadual 2

Surah Yusuf (12) : 55	
قوله تعالى: { قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمٌ }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Yusuf berkata: “Jadikanlah <b>daku</b> pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya <b>aku</b> sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.” (hlm: 557)	Yusuf berkata, “Jadikanlah <b>aku</b> pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir). Sesungguhnya <b>aku</b> adalah orang yang mampu menjaganya (dengan sebaik-baiknya) lagi mengetahui cara mentadbirkannya.” (hlm: 245)

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara raja dengan orang bawahan atau rakyat. Terdapat dua (2) frasa yang mengandungi kata ganti nama pertama iaitu (اجْعَلْنِي) dan (إِنِّي). Dalam teks terjemahan di atas, kita dapati Syeikh Abdullah Basmeih menggunakan “daku” dan “aku”, manakala Yayasan Restu pula hanya menggunakan “aku”. Terjemahan harfiah adalah sepadan kerana kata ganti nama pertama dalam teks asal diterjemahkan sejajar dengan peraturan sintaksis bahasa Melayu. Namun, kaedah persamaan semantic ini akan menyebabkan pembaca sasaran menjadi keliru dan kabur tentang konteks yang wujud dalam teks asal. Ini kerana padanan makna pada peringkat semantik hanya terhad kepada maklumat linguistik semata-mata dan belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihajati oleh pembaca sasaran.

Berdasarkan kepada teori ilmu pragmatik, menterjemahkan kata ganti nama diri pertama Arab yang terdapat pada frasa (اجْعَلْنِي) dan (إِنِّي) kepada kata panggilan bangsawan Melayu iaitu “patik” boleh menyelesaikan masalah kekaburan maklumat tambahan atau konteks yang wujud dalam wacana sesuatu teks.

Empat (4) contoh yang terdapat dalam Jadual 3, Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6 adalah dialog yang berlangsung antara Firaun sebagai raja dengan rakyat jelata.

Jadual 3

Surah al-‘Araaf (7) : 123	
قوله تعالى: { قَالَ فِرْعَوْنُ أَمَنْتُمْ بِهِ قَبْلَ أَنْ آذَنَ لَكُمْ إِنَّ هَذَا لَمَكْرٌ مَكْرَتُمْوهُ فِي الْمَدِينَةِ لِتُخْرِجُوا مِنْهَا أَهْلَهَا فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Firaun berkata: “Patutkah <b>kamu</b> beriman kepadanya sebelum <b>aku</b> memberi izin kepada <b>kamu</b> ? Sesungguhnya ini adalah perbuatan	Firaun berkata, Patutkah <b>kamu</b> beriman kepadanya (Musa a.s.) sebelum <b>aku</b> memberi izin kepada <b>kamu</b> ?



tipu daya yang <b>kamu</b> lakukan dalam bandar ini kerana <b>kamu</b> hendak mengeluarkan penduduknya daripadanya. Oleh itu, <b>kamu</b> akan mengetahui (akibatnya). (hlm: 372)	Sesungguhnya ini adalah muslihat yang <b>kamu</b> rancang di bandar ini untuk mengusir penduduknya darinya. Oleh itu, <b>kamu</b> akan mengetahui (balasannya).”  (hlm: 167)
---	--

Jadual 4

Surah al-‘Araaf (7) : 124	
قوله تعالى: {لَأَقْطَعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ مِنْ خِلَافٍ ثُمَّ لأَصْلَبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ}	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
“Demi sesungguhnya, <b>aku</b> akan memotong tangan dan kaki <b>kamu</b> dengan berselang, kemudian <b>aku</b> akan memalang <b>kamu</b> semuanya.” (hlm: 373)	“Demi sesungguhnya, <b>aku</b> akan memotong tangan dan kaki <b>kamu</b> dengan berselang, kemudian <b>aku</b> akan menyalib <b>kamu</b> semuanya.” (hlm: 167)

Jadual 5

Surah al-‘Araaf (7) : 127	
قوله تعالى: {وَقَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِ فِرْعَوْنَ أَنْتَرُ مُوسَى وَقَوْمَهُ لِيُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَيَذَرَكَ وَالْهَتَّاكَ قَالَ سَنُقَتِّلُ أَبْنَاءَهُمْ وَنَسْتَحْيِي نِسَاءَهُمْ وَإِنَّا فَوْقَهُمْ قَاهِرُونَ}	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Dan berkatalah pula ketua-ketua dari kaum Firaun: “Adakah <b>engkau</b> (wahai Firaun) hendak membiarkan Musa dan kaumnya untuk melakukan kerosakan di bumi (Mesir) dan meninggalkanmu serta apa-apa yang dipuja olehmu? Firaun menjawab: “Kita akan membunuh anak-anak lelaki mereka dan kita biarkan hidup anak-anak perempuan mereka, dan kita tetap menguasai (menundukkan) mereka.”  (hlm: 373)	Dan pembesar-pembesar daripada kaum Firaun berkata, “Adakah <b>engkau</b> (wahai Firaun) hendak membiarkan Musa dan kaumnya untuk melakukan kerosakan di bumi (Mesir) dan meninggalkanmu serta apa-apa yang dipuja olehmu? Firaun menjawab, “Kita akan membunuh anak-anak lelaki mereka (yang baru lahir) dan kita biarkan hidup anak-anak perempuan mereka, dan kita tetap menguasai (menundukkan) mereka.” (hlm: 167)

Jadual 6

Surah al-Syu'ara' (26) : 29	
{ قَالَ لئن اتَّخَذتِ إِلَهًا غَيْرِي لَأَجْعَلَنَّكَ مِنَ الْمَسْجُونِينَ }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Firaun berkata: “Demi sesungguhnya! Jika <b>engkau</b> menyembah Tuhan yang lain daripadaku, sudah tentu <b>aku</b> akan menjadikan <b>engkau</b> dari orang-orang yang dipenjarakan.” (hlm: 944)	Firaun berkata, “Sesungguhnya jika <b>engkau</b> menyembah Tuhan selain <b>aku</b> , sudah tentu <b>aku</b> akan menjadikan <b>engkau</b> daripada orang yang dipenjarakan.”  (hlm: 376)

Jarak sosial yang terdapat dalam empat (4) ayat dalam Jadual 3, 4, 5 dan 6 adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara raja dengan rakyat. Dapat diperhatikan dalam teks terjemahan tersebut bahawa Syeikh Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu menggunakan kaedah persamaan semantik dalam menterjemahkan kata ganti nama diri pertama dan kedua yang terdapat dalam teks sumber. Secara umumnya, pembaca sasar boleh memahami terjemahan harfiah yang telah diutarakan oleh kedua-dua teks tersebut. Namun dia tidak dapat mengetahui konteks wacana secara tepat sebagaimana dimaksudkan dalam teks sumber. Padanan harfiah akan menyebabkan pembaca sasar menjadi keliru dan kabur tentang konteks yang wujud dalam teks asal. Ini kerana padanan makna pada peringkat semantik hanya terhad kepada maklumat linguistik semata-mata dan belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihajati oleh pembaca sasar.

Penulis berpendapat bahawa pemadanan antara maklumat yang diberi dengan konteks sangat penting kerana salah padanan antara kedua-duanya akan menyebabkan maklumat itu disalahtanggap dan kekeliruan pasti berlaku. Oleh itu, bagi mengelakkan salah faham, konteks mestilah serupa dengan yang hendak disampaikan oleh teks asal.

Berdasarkan kepada teori ilmu pragmatik, menterjemahkan kata ganti nama diri pertama dan kedua Arab yang terdapat pada beberapa frasa dalam teks sumber tersebut kepada kata panggilan bangsawan Melayu seperti “tuanku”, “beta”, “tuan hamba” dan sebagainya boleh menyelesaikan masalah kekaburan maklumat tambahan atau konteks yang wujud dalam wacana sesuatu teks.

Antara kaedah terjemahan secara pragmatik adalah seperti berikut:

Firaun berkata, “Patutkah kamu beriman kepadanya (Musa a.s.) sebelum **beta** memberi izin kepada kamu? Sesungguhnya ini adalah muslihat yang kamu rancang di bandar ini untuk mengusir penduduknya darinya. Oleh itu, kamu akan mengetahui (balasannya).” (terjemahan untuk Surah al-‘Araaf (7) : 123)

“Demi sesungguhnya, **beta** akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, kemudian beta akan menyalib kamu semuanya.” (terjemahan untuk Surah al-‘Araaf (7) : 124)

Dan berkatalah pula ketua-ketua dari kaum Firaun: “Adakah **Tuanku** hendak membiarkan Musa dan kaumnya untuk melakukan kerosakan di bumi (Mesir) dan meninggalkan **tuanku** serta apa-apa yang dipuja oleh **tuanku**? Firaun menjawab: “Kita akan membunuh anak-anak lelaki mereka dan kita biarkan hidup anak-anak perempuan mereka, dan kita tetap menguasai (menundukkan) mereka.” (terjemahan untuk Surah al-‘Araaf (7) : 127)

Firaun berkata, “Sesungguhnya jika **tuan hamba** menyembah Tuhan selain **beta**, sudah tentu **beta** akan menjadikan **tuan hamba** daripada orang yang dipenjarakan.” (terjemahan untuk Surah al-Syu’ara’ (26) : 29)

## 9. KESIMPULAN

Pada dasarnya, bahasa Melayu amat mementingkan nilai kesantunan dalam pertuturan dan komunikasi. Salah satu cara memperlihatkan nilai kesantunan adalah melalui kata panggilan dan kata ganti nama yang sesuai. Dalam terjemahan, penulis berpendapat bahawa penggunaan kata ganti nama diri serta kata panggilan seharusnya mematuhi konteks sociolinguistik Melayu, walaupun padanan perkataan secara harfiah yang digunakan untuk menterjemahkannya tidak menepati peraturan sintaksis bahasa sasaran tersebut.

Berdasarkan contoh-contoh terjemahan di atas, penterjemah lebih cenderung menterjemah secara harfiah sebahagian besar kata ganti nama diri pertama dan kedua tanpa meraikan jarak sosial atau konteks yang melatari dialog. Hal ini menyebabkan dialog antara raja dengan raja serta antara raja dengan rakyat Nampak janggal pada maknanya dalam bahasa sasaran ekoran perbezaan nilai rasa berbahasa.

Justeru, penulis menyarankan kepada pihak yang berautoriti agar semakan dibuat terhadap cara terjemahan yang kurang menonjolkan aspek kesantunan dalam dialog yang melibatkan interaksi golongan bangsawan. Aplikasi ilmu pragmatik dalam menterjemahkan kata ganti nama diri boleh membantu pembaca sasaran dalam menjelaskan kekaburan dan kejanggalan berbahasa.

## 10. RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur’an*. Kuala Lumpur: DarulFikir. cetakan. 12.
- Asmah Omar, 1980. *Analisis Wacana*. Dewan Bahasa. 24(3): 11-25.
- Asmah Omar. 2014. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi ke-5.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1994. edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashudi Kader & Low Bee Eng. 1993. “Peranan Konteks dalam penterjemahan dan implikasinya terhadap pengajaran”. Dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Terjemahan*, 16-18 November 1993.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. “Aspek Pragmatik Dalam Penterjemahan: Satu Tinjauan Dari Perspektif Teori Relevans”. *Jurnal Penterjemah*. Januari 2003. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

- Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof. 2011. Sistem Panggilan Dalam Terjemahan Arab-Melayu: Analisis Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Dalam Noor Ida Ramli, Norizah Ardi dan Aini Aziz. *Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2009. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan 11.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1991. Keimplisitan ujaran: Satu analisis teori relevans. *Jurnal Dewan Bahasa Jun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. 2011. Shah Alam: Yayasan Restu. Cetakan 6.
- Sibawaih & Agus Dedi Putrawan. 2015. Al-Quran dan Prinsip Komunikasi, dalam *Komunike*, Vol 7, No. 1, Jun 2015.
- Siti Ngaisah, 2013. Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Dan Makna Yang Terkandung Pada Terjemahan Al Quran Surat An-Nisa. *Tesis Sarjana*, Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Stephen C. Levinson. 1987. Pragmatics and the grammar of anaphora: a partial pragmatic reduction of Binding and Control phenomena. *J. Linguistics* 23: 379-434.
- Stubbs, M. 1989. *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.
- Swandewi, Ni Wayan. 2014. Terms of Address and Politeness In "Love In The Afternoon", dalam makalah yang dibentangkan pada Non-Regular Program, English Department Faculty Of Letters, Udayana University Denpasar.